

**REKA BENTUK MODUL BLENDme DALAM  
APLIKASI SENI SOLEKAN TERHADAP  
KEMAHIRAN MENCAMPURATAKAN WARNA  
BAGI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI**

**MAYASLINDA BINTI MAHAYUDIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2020**

**REKA BENTUK MODUL BLENDme DALAM  
APLIKASI SENI SOLEKAN TERHADAP  
KEMAHIRAN MENCAMPURATAKAN WARNA  
BAGI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI**

**oleh**

**MAYASLINDA BINTI MAHAYUDIN**

**Tesis ini diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Disember 2020**

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum, pertama sekali saya ingin meluahkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana telah memudahkan urusan saya sepanjang pengajian ini dan saya telah berjaya menyelesaikan penyelidikan ini dengan lancar. Ucapan jutaan terima kasih juga yang tidak terhingga kepada penyelia utama Prof. Madya Dr. Azidah Abu Ziden kerana telah membimbing, membantu, memudahcara dan berkongsi ilmu dengan saya sepanjang pengajian ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan telah banyak membantu saya dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Rasa penghargaan juga saya ingin berikan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Prof. Madya Dr. Shaik Abdul Malik Mohamed Ismail dan juga Timbalan Dekan, Prof. Madya Dr. Salmiza Saleh kerana sentiasa memberikan sokongan dan dorongan kepada pelajar. Ucapan terima kasih juga kepada kawan-kawan yang sentiasa memberikan kata semangat, kepada kakitangan perpustakaan USM Hamzah Sendut yang sentiasa memberikan kerjasama dan khidmat yang terbaik kepada saya sepanjang tempoh pengajian. Ribuan terima kasih juga kepada bahagian tajaan pengajian Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menaja pengajian saya.

Kepada insan yang paling disayangi Encik Shahrudin Niza Bin Amiruddin, suami saya yang telah banyak memberikan sokongan dan kekuatan sepanjang pengajian ini. Penghargaan dan kasih sayang kepada anak-anak saya Muhammad Danish Shauqi, Muhammad Adeeb, Muhammad Firas Aryan dan Putri Maia Zulaikha kerana telah berkorban masa dan memberi ruang untuk mama menyelesaikan kajian ini. Diharapkan pencapaian ini dapat memberi inspirasi kepada anak-anak di masa akan datang.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>vii</b>
<b>SENARAI GAMBARAJAH</b> .....	<b>ix</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>x</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	<b>xi</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xii</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Latarbelakang Kajian .....	2
1.2.1 Kurikulum Persolekan Profesional .....	2
1.2.2 Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Solekan .....	3
1.3 Pernyataan Masalah .....	6
1.4 Objektif Kajian.....	14
1.5 Persoalan Kajian.....	15
1.6 Kepentingan Kajian.....	15
1.7 Batasan Kajian .....	16
1.8 Definisi Operasional.....	17
1.9 Kesimpulan .....	18
<b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b> .....	<b>19</b>
2.1 Pengenalan .....	19
2.2 Seni Solekan.....	19
2.3 Kemahiran Dalam Seni Solekan .....	22
2.4 Teori Warna Dalam Seni Solekan.....	24

2.4.1	Model Warna Diagram Ostwald Dalam Seni Solekan.....	25
2.4.2	Model Roda Warna Dalam Seni Solekan.....	26
2.5	Elemen Dan Prinsipal Dalam Seni Solekan .....	31
2.5.1	Elemen Garisan Dalam Seni Solekan .....	31
2.5.2	Elemen Rupa Dan Bentuk Dalam Seni Solekan .....	32
2.5.3	Prinsip Pergerakan, Pengulangan Dan Rentak Dalam Seni Solekan.....	33
2.6	Modul Persolekan Profesional .....	34
2.7	Kajian Hasil Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Seni Solekan.....	35
2.8	Model Kon Pengalaman Edgar Dale ( <i>Cone Of Experience</i> ).....	41
2.8.1	Pembelajaran Melalui Perbuatan ( <i>Learning by Doing</i> ) .....	43
2.9	Model ADDIE.....	45
2.10	Kerangka Teori.....	47
2.11	Kerangka Konseptual .....	50
2.12	Kesimpulan .....	53
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>54</b>
3.1	Pengenalan .....	54
3.2	Reka bentuk Kajian .....	54
3.3	Pemilihan Sampel .....	58
3.4	Teknik Pengumpulan Data.....	59
3.4.1	Analisis Dokumen.....	59
3.4.2	Protokol Temu bual.....	61
3.4.3	Pemerhatian.....	61
3.5	Instrumen Kajian.....	62
3.5.1	Jurnal Peribadi Dan Rubrik Penilaian Hasil Solekan Pelajar.....	62
3.5.2	Temu Bual Separa Berstruktur.....	65
3.5.3	Pemerhatian.....	66
3.6	Kajian Rintis .....	69

3.7	Kesahan Kajian .....	71
3.8	Kebolehpercayaan Kajian .....	73
3.9	Analisis Data .....	73
3.10	Prosedur Pelaksanaan Kajian .....	74
3.11	Kesimpulan .....	76
<b>BAB 4 REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL .....</b>		<b>77</b>
4.1	Pengenalan .....	77
4.2	Reka bentuk Instruksional Dan Model ADDIE .....	77
4.3	Pembinaan Modul Berasaskan Model ADDIE .....	80
4.4	Modul <i>BLENDme</i> .....	87
	4.4.1 Kandungan Modul <i>BLENDme</i> .....	88
4.5	Kesahan Modul .....	103
4.6	Pelaksanaan Modul .....	106
4.7	Kesimpulan .....	107
<b>BAB 5 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN.....</b>		<b>108</b>
5.1	Pengenalan .....	108
5.2	Pelaksanaan Kutipan Data Kajian .....	108
5.3	Profil Subjek Kajian .....	109
	5.3.1 Subjek 01 (P01).....	110
	5.3.2 Subjek 02 (P02).....	110
	5.3.3 Subjek 03 (P03).....	111
	5.3.4 Subjek 04 (P04).....	111
5.4	Persoalan Kajian (a) : Bagaimanakah Modul <i>BLENDme</i> dibangunkan berasaskan kepada model ADDIE? .....	112
5.5	Persoalan Kajian (b) : Apakah tahap kemahiran mencampuratakan warna bagi pelajar kolej komuniti melalui pelaksanaan Modul <i>BLENDme</i> ?.....	113
	5.5.1 Data Analisis Dan Skor Pemerhatian Bagi Tahap Kemahiran Mencampuratakan Warna .....	114

5.5.2	Sesi 1 ( <i>Lines on me</i> ) .....	117
5.5.3	Sesi 2 ( <i>Shape blending</i> ).....	127
5.5.4	Sesi 3 ( <i>Form &amp; Contouring</i> ) .....	142
5.6	Persoalan kajian (c): Apakah respons pelajar kolej komuniti terhadap pelaksanaan Modul <i>BLENDme</i> ?.....	165
5.6.1	Peranan.....	167
5.6.2	Panduan.....	181
5.6.3	Keyakinan Peribadi .....	185
5.7	Triangulasi Dapatan Kajian.....	199
5.8	Kesimpulan .....	204
<b>BAB 6 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN.....</b>		<b>205</b>
6.1	Pengenalan .....	205
6.2	Perbincangan.....	205
6.2.1	Pembinaan Modul <i>BLENDme</i> Berasaskan Model ADDIE.....	205
6.2.2	Kemahiran Pelajar Dalam Teknik Mencampuratakan Warna Melalui Pelaksanaan Modul <i>BLENDme</i> .....	208
6.2.3	Respons Pelajar Kolej Komuniti Terhadap Pelaksanaan Modul <i>BLENDme</i> .....	213
6.3	Rumusan Dapatan Kajian.....	221
6.4	Implikasi Kajian .....	224
6.4.1	Implikasi Terhadap Kemahiran Pelajar.....	224
6.4.2	Implikasi Teoritikal.....	226
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan.....	227
6.6	Penutup.....	229
<b>RUJUKAN .....</b>		<b>230</b>
<b>LAMPIRAN</b>		
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 3.1	Rubrik penilaian hasil kerja solekan ..... 63
Jadual 3.2	Rubrik Pemerhatian..... 67
Jadual 3.3	Dapatan Kajian Rintis ..... 70
Jadual 3.4	Item penilaian pakar instrumen kajian ..... 71
Jadual 3.5	Jadual Pelaksanaan Modul ..... 76
Jadual 4.1	Jadual Perancangan Kriteria Penilaian bagi Modul BLENDme (Branch, 2009) ..... 86
Jadual 4.2	Matrik pembinaan Modul BLENDme integrasi Teori Warna dan Elemen Prinsipal Seni ..... 88
Jadual 4.3	Kriteria penilaian oleh pakar modul..... 104
Jadual 4.4	Komen atau cadangan pakar dan penambahbaikan modul..... 105
Jadual 5.1	Agihan elemen-elemen bagi setiap sesi dalam Modul BLENDme..... 115
Jadual 5.2	Skor pemerhatian bagi tahap kemahiran mencampurkan warna..... 116
Jadual 5.3	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik subjek 01 bagi sesi 1..... 118
Jadual 5.4	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik subjek 02 bagi sesi 1..... 120
Jadual 5.5	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik subjek 03 bagi sesi 1..... 122
Jadual 5.6	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik subjek 04 bagi sesi 1..... 125
Jadual 5.7	Nota pemerhatian penyelidik bagi sesi 2..... 127
Jadual 5.8	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik bagi subjek 01 sesi 2..... 129
Jadual 5.9	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik bagi subjek 02 sesi 2..... 132



Jadual 5.10	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik bagi subjek 03 sesi 2.....	135
Jadual 5.11	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik bagi subjek 04 sesi 2.....	138
Jadual 5.12	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik bagi subjek 01.....	145
Jadual 5.13	Skor Rubrik Penilaian Hasil Kerja Solekan Subjek 01 bagi sesi 3. ....	147
Jadual 5.14	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik bagi subjek 02 sesi 3.....	150
Jadual 5.15	Skor Rubrik Penilaian Hasil Kerja Solekan Subjek 02 bagi sesi 3. ....	152
Jadual 5.16	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik bagi subjek 03 sesi 3.....	156
Jadual 5.17	Skor Rubrik Penilaian Hasil Kerja Solekan Subjek 03 bagi sesi 3. ....	158
Jadual 5.18	Ulasan skor rubrik pemerhatian dan nota pemerhatian penyelidik bagi subjek 04 sesi 3.....	161
Jadual 5.19	Skor Rubrik Penilaian Hasil Kerja Solekan Subjek 04 bagi sesi 3. ....	163
Jadual 5.20	Analisis tematik dapatan kajian.....	166
Jadual 5.21	Triangulasi dapatan kajian .....	200

## SENARAI GAMBARAJAH

	<b>Halaman</b>
Gambarajah 1.1	Helaian Kurikulum STK2013 Pengindahan Bahagian Muka Dan Penyamaran (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2018) ..... 5
Gambarajah 2.1	Diagram Ostwald (sumber : John W. Shipman, 2012) ..... 26
Gambarajah 2.2	Roda Warna Newton, sumber : (Alfnas et al., 2018) ..... 27
Gambarajah 2.3	Hue Warna, sumber : (Middleton, 2018) ..... 28
Gambarajah 2.4	Value Warna, sumber : (Middleton, 2018) ..... 29
Gambarajah 2.5	Intensiti Warna, sumber : (Middleton, 2018)..... 30
Gambarajah 2.6	Kon Pengalaman Edgar Dale (Sumber : (Dale, 1969) ..... 42
Gambarajah 2.7	Kerangka teori kajian ..... 48
Gambarajah 2.8	Kerangka Konseptual Kajian ..... 51
Gambarajah 3.1	Proses pelaksanaan kajian ..... 74
Gambarajah 4.1	Proses aplikasi solekan pembayang mata menggunakan utensil..... 87
Gambarajah 5.1	Kaedah triangulasi dapatan kajian (Barnum, 2011) ..... 114
Gambarajah 5.2	Hasil kerja solekan subjek 01 bagi teknik mencampuratakan warna pada carta wajah..... 149
Gambarajah 5.3	Hasil kerja solekan subjek 02 bagi teknik mencampuratakan warna pada carta wajah..... 154
Gambarajah 5.4	Hasil kerja solekan subjek 03 bagi teknik mencampuratakan warna pada carta wajah..... 159
Gambarajah 5.5	Hasil kerja solekan subjek 04 bagi teknik mencampuratakan warna pada carta wajah..... 164

## SENARAI SINGKATAN

JPKK	Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Modul <i>BLENDme</i>	Modul <i>Blending Me</i>
NCS	<i>National Competency Standards</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
STK2013	Sijil Terapi Kecantikan dan Spa Kod 2013

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Modul <i>BLENDme</i>
Lampiran B	Protokol Temu Bual
Lampiran C	Panduan Penulisan Jurnal Peribadi Pelajar
Lampiran D	Borang Penilaian Pakar
Lampiran E	Contoh Transkrip Temu Bual
Lampiran F	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian
Lampiran G	Surat Kelulusan Jepem

**REKA BENTUK MODUL *BLENDme* DALAM APLIKASI SENI SOLEKAN  
TERHADAP KEMAHIRAN MENCAMPURATAKAN WARNA BAGI  
PELAJAR KOLEJ KOMUNITI**

**ABSTRAK**

Kemahiran pelajar dalam menguasai teknik mencampuratakan warna pada solekan dilihat kurang mahir dan pelajar tidak dapat memahami teknik ini melalui kaedah demonstrasi. Latihan solekan menggunakan wajah sebenar mengakibatkan kulit wajah menjadi rosak dan gangguan ini memberikan impak yang negatif kepada pelajar untuk meneruskan latihan solekan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan membangunkan satu modul pengajaran iaitu modul *BLENDme* yang berkonsepkan latihan pada kertas carta wajah bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam menguasai teknik mencampuratakan warna pada solekan. Tahap kemahiran pelajar diperhati dan dinilai untuk melihat keberkesanan modul. Respons daripada pelajar juga dikaji bagi mendapatkan maklumbalas terhadap pelaksanaan modul *BLENDme*. Kajian kes kualitatif ini menggunakan 4 orang pelajar dari kolej komuniti sebagai subjek kajian dalam latihan mencampuratakan warna pada solekan menggunakan modul *BLENDme*. Tiga jenis instrumen kajian digunakan bagi tujuan pengumpulan data iaitu dokumen analisis (jurnal peribadi dan hasil kerja solekan), pemerhatian (rubrik pemerhatian) dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan tiga sesi yang terdapat dalam modul *BLENDme* telah berjaya melatih pelajar menguasai teknik mencampuratakan warna pada solekan. Hasil pemerhatian yang berterusan mendapati kemahiran pelajar berada pada tahap yang baik dengan aplikasi campur rata warna yang sekata dan konsisten. Subjek kajian juga

memberikan pelbagai maklum balas berkaitan pelaksanaan modul *BLENDme*. Hasil dari analisis data temu bual, 3 tema telah dikenalpasti iaitu peranan modul *BLENDme*, modul sebagai panduan dan persepsi subjek kajian. Subjek kajian memberikan respons yang positif berkaitan penggunaan kertas carta wajah yang berhasil mengurangkan masalah kulit pelajar kerana kurang menggunakan wajah sebenar semasa latihan solekan. Pada keseluruhannya, pelaksanaan modul *BLENDme* berjaya membantu pelajar memahami dan menguasai teknik mencampurkan warna pada solekan.

**THE DESIGN OF BLENDme MODULE FOR MAKEUP APPLICATIONS**  
**SKILL IN COLOR BLENDING TECHNIQUE FOR COLLEGE**  
**COMMUNITY STUDENTS**

**ABSTRACT**

Students are seen having difficulties in mastering color blending techniques in learning makeup and students are hard to absorb the technique through the demonstration method. Makeup exercises using real faces cause skin damage and this disorder harms students to continue in makeup learning and practice. Therefore, this study aims to develop a module, a BLENDme module that conceptualizes training on face chart papers to improve students' skills in mastering color blending techniques. The level of student skills is monitored and evaluated to see the module's effectiveness. Student responses are also sought to get feedback on the implementation of the BLENDme module. This qualitative case study used 4 students from community colleges to participate in a color blending training using BLENDme module. Three types of research instruments are used for data collection purposes are document analysis (participant personal journals and make-up output), observations (observation rubric), and interviews. The findings show that three activities contained in the BLENDme module have successfully trained students to master color blending techniques. The ongoing observations show that students' skills are at a good level with consistency and evenly color blending application. The participants also provided various feedback on the BLENDme module implementation. The findings of the interview data analysis, 3 themes were identified namely the role of the BLENDme module, the module as a guide, and the perception

of participants. The participants responded positively to the use of paper facial charts that succeeded in alleviating students' skin problems due to the less use of an original face during makeup practice. In conclusion, the application of the BLENDme module helps students understand and master the technique of blending colors in makeup.



# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Industri solekan telah mendapat permintaan yang tinggi dalam pasaran dan memerlukan sumber tenaga profesional dalam bidang ini untuk menawarkan perkhidmatan solekan yang terbaik. Menurut (Boo, 2015) dalam kajiannya menunjukkan bahawa Unit Kompetensi bidang solekan di bawah *National Competency Standards* (NCS), 95.8% mencatat keperluan yang tinggi dalam kategori solekan asas dan 87.5% bagi kategori solekan pengantin. Ini menunjukkan bidang solekan memerlukan tenaga kerja yang tinggi dalam industri.

Seni solekan juga merupakan bidang kecantikan yang mampu bersaing dalam industri dan memberi masa depan yang cerah sebagai jurusolek profesional. Ini disokong oleh (Friedman & Jones, 2011) menulis bahawa pada tahun 2010 pasaran global bidang kecantikan dianggarkan telah mencatat pendapatan sebanyak \$382 bilion, jumlah ini lebih tinggi berbanding dengan bidang fesyen. Kerjaya sebagai jurusolek profesional sudah lama wujud dalam industri di dalam dan luar negara di mana kemahiran yang dimiliki oleh jurusolek profesional tidak dapat dinafikan lagi apabila mereka telah menghasilkan karya-karya seni solekan yang terbaik di dalam filem, pementasan teater, drama dan majalah. Melihat pada filem-filem antarabangsa seperti Harry Potter, Game Of Thrones, The Dark Knight, The Goonies, Hellboy, Horns, Star Wars dan banyak lagi telah melibatkan pelakon-pelakon terkenal mengenakan solekan kesan khas untuk membawa watak masing-masing. (G. Davis & Hall, 2008) menyenarai beberapa pakar jurusolek profesional yang telah membina kerjaya dalam industri solekan kesan khas antaranya Darla Albright, Richard Dean,

Cristina Patterson Ceret, Kenneth Diaz, Kris Evans, Daniela Eschbacher, Kim Felix-Burke, Dan Gheno, Steven Horak dan Bradley M. Look.

## **1.2 Latarbelakang Kajian**

Dalam era industri kecantikan yang semakin berkembang maju, Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dalam usaha menghasilkan pelajar-pelajar kolej komuniti yang mampu bersaing dalam industri kecantikan ini. Bagi memastikan usaha ini tercapai, pihak kementerian telah memberi penekanan kepada usaha ke arah peningkatan kemahiran pelajar dalam bidang persolekan melalui semakan kurikulum persolekan profesional serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh pensyarah.

### **1.2.1 Kurikulum Persolekan Profesional**

Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) telah menggariskan 8 domain dalam kurikulum persolekan professional (Jabatan pendidikan Kolej Komuniti, 2018, p.iii) bagi mencapai tujuan program ini dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar mengikut keperluan industri. 8 domain tersebut telah disenaraikan dalam Hasil Pembelajaran Program iaitu:

1. Mengaplikasikan pengetahuan asas berdasarkan fakta, konsep, prinsip dan teori dalam bidang yang berkaitan
2. Menunjukkan kemahiran psikomotor dan amali dalam menyelesaikan masalah
3. Menunjukkan kemahiran interpersonal dan kebertanggungjawaban sosial dalam mengaplikasikan prinsip dan teori mengikut kesesuaian keadaan

4. Menunjukkan sifat beretika dan profesionalisme dalam amalan yang mempunyai prinsip etika dari aspek perundangan yang perlu dipatuhi
5. Menunjukkan kebolehan berkomunikasi dan kemahiran kepimpinan secara berkesan dengan rakan sekerja, pelanggan, majikan dan masyarakat umum
6. Menunjukkan kemahiran pemikiran analitikal dan kritikal dan menggunakan teknik yang sesuai dalam menyelesaikan masalah
7. Menyedari kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran pengurusan maklumat untuk pembangunan akademik dan kerjaya
8. Menunjukkan kemahiran pengurusan dan ciri-ciri keusahawanan dalam perspektif yang meluas di dalam alam perniagaan sebenar

Domain (1) dan (2) jelas menunjukkan bahawa kementerian telah menetapkan bahawa pengetahuan dan kemahiran merupakan elemen utama dalam menghasilkan pelajar yang berkualiti.

### **1.2.2 Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Solekan**

Pelajar kolej komuniti yang mengikuti Program Terapi kecantikan dan Spa terdiri daripada pelajar lepasan SPM yang tidak mendapat tempat atau tidak berpeluang untuk melanjutkan pengajian di universiti. Mereka terdiri daripada pelajar perempuan yang mempunyai minat mendalam dalam mempelajari seni solekan. Oleh itu, satu modul solekan yang dinamakan Modul Persolekan Profesional telah dibangunkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti bertujuan memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar dalam jurusan solekan.

Merujuk kepada kurikulum Modul Persolekan Profesional, Program Terapi Kecantikan dan Spa, Kolej Komuniti yang dihasilkan pada tahun 2018, mendapati terdapat beberapa kaedah penyampaian dan penilaian yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan dalam mencapai hasil pembelajaran solekan. Kaedah kuliah digunakan dalam menyampaikan pengetahuan berkaitan solekan, kaedah demonstrasi digunakan oleh pensyarah dalam menunjukcara langkah-langkah dan teknik dalam menghasilkan solekan serta kaedah helaian amali digunakan dalam penilaian hasil solekan pelajar. Namun begitu tidak terdapat penekanan terhadap penguasaan teknik dalam solekan iaitu teknik mencampuratakan warna.

TOPIK	MINGGU	KANDUNGAN	JAM			KAEDAH PENYAMPAIAN DAN PENILAIAN
			GLT		ILT	
			T	P		
LnP 01.01 APLIKASI SOLEKAN PEMBENTUKAN WAJAH DAN PENYAMARAN (CAMOUFLAGE)		<p><b>TEORI</b></p> <p>1.1 Menjelaskan fungsi bahan dan peralatan yang digunakan dalam solekan pembentukan wajah dan penyamaran (<i>camouflage</i>) serta penutupan cela:</p> <p>Bahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input checked="" type="checkbox"/> Kapas muka</li> <li><input checked="" type="checkbox"/> Tisu basah (<i>Wet tissue</i>)</li> <li><input checked="" type="checkbox"/> <i>Make up remover</i></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> Puff</li> <li><input checked="" type="checkbox"/> Sponge</li> <li><input checked="" type="checkbox"/> Tisu muka</li> <li><input checked="" type="checkbox"/> <i>cotton bud</i></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> <i>Pre-base</i></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> <i>Corrective base creams (Foundation (cream, matt, liquid, mousse, gel, light reflecting, all-in-one))</i></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> <i>Concealer</i></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> <i>Powder</i></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> <i>Blusher</i></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> <i>Highlighter</i></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> <i>Eye shadow</i></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> <i>Eyeliners</i></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> Dan lain-lain (bergantung kepada kreativiti dan keperluan)</li> </ul> <p>Peralatan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input checked="" type="checkbox"/> <i>Set brush</i></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> Dan lain-lain (bergantung kepada kreativiti dan keperluan)</li> </ul> <p>1.2 Menjelaskan kaedah dalam khidmat runding solekan pembentukan wajah dan penyamaran (<i>camouflage</i>) dan penutupan cela</p> <p>1.3 Menjelaskan amali konsultasi pelanggan dengan teknik yang betul</p>	5	0	18	<ul style="list-style-type: none"> <li><input checked="" type="checkbox"/> Kuliah</li> <li><input checked="" type="checkbox"/> <b>Demostrasi</b></li> <li><input checked="" type="checkbox"/> Helaian Amali</li> </ul> <p>Penilaian formatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input checked="" type="checkbox"/> Kuiz</li> </ul> <p>Penilaian Sumatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input checked="" type="checkbox"/> Tugas 1 (LnP 01.01)</li> </ul>

Gambarajah 1.1. Helaian Kurikulum STK 2013 Pengindahan Bahagian Muka Dan Penyamaran (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2018)

Gambarajah 1.1 menunjukkan contoh helaian kurikulum STK 2013 Pengindahan Bahagian Muka Dan Penyamaran (*Camouflage*) menetapkan kaedah penyampaian yang boleh dilakukan oleh pensyarah semasa mengajar ialah melalui demonstrasi. Kaedah konvensional ini dilihat kurang berkesan dalam menyampaikan teknik mencampuratakan warna itu sendiri kerana kemahiran tersebut hanya dilihat oleh pelajar melalui demonstrasi. Ini disokong oleh (Samah, 2015) yang mendapati pelajar tidak mampu meneroka daya imaginasi dengan baik melalui demonstrasi dan kesannya pelajar kurang yakin dalam menghasilkan karya seni yang kreatif. Kaedah pengajaran boleh dipelbagaikan oleh pensyarah supaya objektif dalam melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi dalam solekan akan tercapai.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Mengaplikasikan pengetahuan asas dalam bidang yang dipelajari dan menunjukkan kemahiran psikomotor dan amali dalam menyelesaikan masalah adalah 2 domain utama yang ditekankan oleh Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dalam melahirkan pelajar yang berkemahiran. Dalam konteks kemahiran solekan, teknik mencampuratakan warna merupakan kemahiran yang paling utama dan teknik asas yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam menghasilkan solekan yang kemas dan sempurna. Ini disokong oleh (Davis & Hall, 2008) menyatakan teknik mencampuratakan warna adalah aktiviti seni solekan yang penting dan ia membantu aplikasi solekan menjadi lebih halus dan sempurna. Ini menunjukkan bahawa teknik mencampuratakan warna merupakan kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar.

Melalui temu bual yang dijalankan ke atas dua orang pensyarah yang berpengalaman mengajar dalam bidang solekan, penyelidik mendapati terdapat dua permasalahan kajian yang menjadi punca kepada kelemahan pelajar bagi menguasai teknik mencampuratakan warna dalam solekan, (1) pelajar tidak dapat memahami dan tidak boleh melakukan teknik mencampuratakan warna kerana amalan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh pensyarah dalam menyampaikan teknik solekan iaitu melalui demonstrasi dilihat kurang berkesan. Menurut dapatan temu bual bersama pensyarah A menyatakan;

*“kalau daripada segi demo (kaedah demonstrasi) pelajar dia tak terus boleh buat...dia akan ada step-step dia...ada bahagian yang bila diaorang (pelajar) buat diaorang boleh lakukan...ada bahagian-bahagian lain yang diaorang (pelajar) perlu banyakkan lagi latihan”* (Pensyarah(A), 2019, baris 64-66).

Pernyataan ini juga disokong oleh pensyarah B menyatakan:

*“daripada tengok demo pelajar hanya boleh dapat 50% sahaja sebab diaorang (pelajar) hanya melihat... bila pelajar dah start buat practice lepas daripada tu diaorang (pelajar) baru boleh macam belajar lah macam mana tersilap blending...diaorang (pelajar) selalu cakap tengok macam senang tapi tak”* (Pensyarah(B), 2020, baris 13-15).

Data temu bual ini menunjukkan bahawa kaedah demonstrasi yang digunakan oleh pensyarah kurang berkesan bagi menyampaikan teknik dalam solekan serta pelajar tidak berupaya melakukan aplikasi solekan dan memerlukan lebih banyak latihan.

Manakala pensyarah B juga menyatakan:

*“lepas tengok demo tu kurang memuaskanlah sebab kali pertama kan aaa kali pertama pelajar nak cuba pelajar nak cuba untuk blending...sapuan foundation pulak kebanyakan akan bercapuk (tidak sekata) sebab kali pertama pelajar nak dap nak belajar dap foundation tu... dia sebenarnya dia tak yakin.”* (Pensyarah(B), 2020, baris 34-37).

Pernyataan daripada pensyarah B ini menunjukkan bahawa pelajar tidak yakin untuk melakukan solekan selepas melihat demonstrasi daripada pensyarah dan kesannya hasil solekan menjadi tidak kemas. Sifat kurang yakin pada diri sendiri ini akan menimbulkan masalah kepada pelajar untuk menguasai kemahiran dalam solekan.

Seterusnya, pensyarah A menyatakan pelajar tidak memahami kaedah dalam mengaplikasi teknik mencampuratakan warna:

*“hah kami tak nampak macam blend ke? pensyarah: saya tanya awak faham tak blend tu macam mana? pelajar: blend tu macam mana? depa (pelajar) bila depa (pelajar) buat depa (pelajar) akan nampak satu color macam tu...segaris macam tu...lepas tu bila depa (pelajar) buat macam tambah color depa (pelajar) tak blend kan lepas tu bertompok-tompok lepas tu depa (pelajar) tak blend kan”*(Pensyarah(A), 2019, baris 76-79).

Dapatan temu bual di atas menunjukkan bahawa pelajar masih tidak memahami teknik mencampuratakan warna walaupun selepas melihat demonstrasi solekan daripada pensyarah. Ini adalah disebabkan pelajar kurang faham dengan konsep sebenar teknik mencampuratakan warna yang betul. Kesan dari permasalahan



ini, hasil solekan pelajar tidak kemas dan warna tidak sekata serta garisan pada tebing dua warna masih kelihatan bergaris kerana tidak dicampuratakan dengan baik.

Selain itu, pensyarah A juga menyatakan kelemahan pelajar adalah mencampuratakan warna pada pembayang mata:

*“...kalau macam teknik blending (mencampuratakan warna) eyeshadow aaa selalunya pelajar dia selalunya problem pada aaa apa ni warna-warna yang macam warna gelap...sebab bila depa (pelajar) blend eyeshadow yang warna gelap...dia jadi macam... warna tu jadi macam satu tempat dia jadi warna tak yang smooth...teknik blend depa (pelajar) tu macam brush depa (pelajar) tu mungkin masa blend tu depa (pelajar) terlalu menekan...sebab masa latihan untuk blend eyeshadow tu pensyarah selalunya akan bagi tiga tone color lah aaa warna yang apa ni sederhana, warna yang light dengan warna yang gelap lah untuk dapatkan tiga tone tu tp selalunya color yang akan mati adalah color yang gelap aaa jadi dia tak nampak warna tu macam blend...kadang-kadang pelajar ni bila blend-blend-blend dia akan naik sampai ke pangkal kening aaa dia jadi penuh aaa yang itu selalunya problem pada pelajar...”*  
(Pensyarah(A), 2019, baris 14-23).

Dapatan temu bual bersama pensyarah B juga menyatakan *“masalah pelajar paling utama ialah blending (mencampuratakan warna) eyeshadow”* (Pensyarah(B), 2020, baris 10). Ini menunjukkan bahawa pemasalahan pelajar yang ketara adalah pada teknik mencampuratakan warna terutamanya pada pembayang mata. Pelajar lemah dari segi kawalan berus solekan semasa sapuan warna untuk aplikasi teknik mencampuratakan warna dan kesannya hasil solekan menjadi tidak kemas serta warna tidak sekata.

Manakala dari segi respons pensyarah berkaitan kemahiran pelajar semasa penilaian hasil solekan, pensyarah A menyatakan:

*“lemah selalunya kekemasan kening dan blending (mencampuratakan warna)...kalau solekan ni memang kita kena ada teknik blend...kening ada teknik blend, foundation ada teknik blend...sangat penting...kalau foundation tak blend dengan betul akan nampak ada kesan tompokan pada muka...tak nampak kat mana bahagian yang pelajar tu blend...kalau kening lepas kita buat lakaran kita kena ada teknik blend untuk nampak kekemasan warna kening tu...selalu yang pelajar merungut depa akan tanya macam mana contoh blend...memang nampak depa (pelajar) memang ada masalah daripada segi blending lah...”* (Pensyarah(A), 2019, baris 68-74).

Dapatan temu bual ini membuktikan bahawa pelajar mempunyai masalah terhadap aplikasi teknik mencampuratakan warna sehingga teknik ini selalu menjadi persoalan kepada pelajar setiap kali melakukan latihan solekan, ini adalah kerana mereka masih tidak memahami konsep mencampuratakan warna hanya dengan melihat demonstrasi daripada pensyarah. Kesannya hasil solekan pelajar menjadi tidak sekata dan warna tidak kemas.

Dalam pada itu, hasil temu bual awal yang dijalankan ke atas beberapa orang pelajar kolej komuniti menyatakan mereka tidak faham teknik campur rata warna dan tidak boleh mengaplikasi teknik tersebut dengan baik dengan hanya melihat demonstrasi daripada pensyarah. Selain itu, pelajar juga menyatakan tiada aktiviti solekan yang memfokuskan kepada teknik campur rata warna, ini menyebabkan pelajar tidak mahir dalam mengaplikasi solekan dengan baik.

Permasalahan kajian ke (2) latihan solekan berpanjangan yang dilakukan terus ke wajah pelajar mengakibatkan kulit wajah bermasalah kesan dari bahan solekan dan peralatan solekan yang tidak bersih. Menurut hasil temu bual bersama pensyarah A menyatakan;

*“biasa pelajar ni bila hari-hari buat praktikal dia (pelajar) selalu merungut tentang masalah kulit lah...macam ada yang alergik lah lepas tu macam muka cepat naik jerawat lah...”* (Pensyarah(A), 2019, baris 55-56).

Begitu juga dengan hasil temu bual terhadap pensyarah B juga menyatakan;

*“biasa pelajar akan komplek takut muka naik jerawat takut muka rosak lah yang tu lah yang paling kerap diaorang (pelajar) komplek”* (Pensyarah(B), 2020, baris 48-49).

Pernyataan ini membuktikan bahawa latihan solekan yang berterusan ke wajah mengakibatkan kulit wajah pelajar kerengsaan dan rosak kesan dari bahan dan peralatan solekan. Ini menunjukkan kaedah latihan yang kerap menggunakan wajah sebenar kurang sesuai dan boleh menimbulkan masalah serta mengganggu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Selain itu, pensyarah B juga menyatakan:

*“ada lah...ada yang buat muka bila kita suruh practice kan...aaa tak nak...aaa buat muka dengan kita lah lepas tu ada yang diaorang (pelajar) jadi...sebelum ni diaorang (pelajar) happy ceria sebelum nak practice makeup kan tapi bila muka dah ada masalah sikit diaorang (pelajar) dah tak macam sebelum ni lah... macam dah kurang ceria dah malas sikit lah nak practice tu kemudian buat muka macam tu lah”* (Pensyarah(B), 2020, baris 53-56).

Pernyataan ini menunjukkan bahawa masalah kulit wajah pelajar yang rosak kesan dari latihan solekan terus ke wajah juga mengganggu emosi pelajar untuk meneruskan latihan di dalam kelas. Pelajar dilihat menjadi kurang bersemangat untuk meneruskan latihan solekan.

Pemmasalahan kajian ini juga mendapat maklum balas daripada beberapa orang pelajar kolej komuniti dan mendapati aktiviti solekan yang kerap pada wajah mereka telah menimbulkan masalah jerawat dan kulit muka pelajar menjadi kerensaan akibat dari memakai bahan-bahan solekan dengan kerap. Ini menunjukkan bahawa aktiviti solekan yang kerap dilakukan ke wajah telah menimbulkan masalah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas kerana pelajar menjadi kurang berminat untuk meneruskan latihan solekan serta risau masalah kulit rosak akan berulang.

Hasil temu bual dan pemerhatian penyelidik mendapati kaedah konvensional yang diamalkan oleh tenaga pengajar adalah dengan menunjukkan satu demonstrasi solekan di hadapan pelajar, kaedah ini kurang berkesan kerana para pelajar tidak dapat memahami dan tidak merasai teknik solekan dengan betul sekaligus tidak dapat menguasai kemahiran solekan dengan baik. Dapatan ini disokong oleh (Samah, 2015) yang mendapati pelajar tidak mampu meneroka daya imaginasi dengan baik melalui demonstrasi dan kesannya pelajar kurang yakin dalam menghasilkan karya seni yang kreatif. Dalam memperluaskan bakat dalam seni solekan ia bergantung pada proses, daya imaginasi, dan kebijaksanaan (Edu, 2018). Ini juga disokong oleh kajian (Mustamir, 2019) telah menyenaraikan beberapa kelemahan bagi kaedah demonstrasi iaitu kaedah demonstrasi akan gagal jika tidak ada persediaan yang rapi, tenaga pengajar akan membazirkan masa untuk melakukan beberapa cubaan sebelum

melakukan demonstrasi di hadapan pelajar dan memerlukan kepakaran yang tinggi daripada pengajar semasa menunjukkan kemahiran kepada pelajar. Tambahnya lagi kaedah demonstrasi yang tidak disusuli dengan latihan dianggap gagal dan tidak mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Manakala dalam kajian (Pradita & Puspitorini, 2016) terdapat peserta program tidak boleh memberikan tumpuan terhadap demonstrasi solekan yang ditunjukkan oleh pengajar dan menyebabkan hasil kerja solekan peserta program kurang memuaskan. Ini menunjukkan bahawa kaedah demonstrasi kurang menarik perhatian pelajar dalam mempelajari kemahiran solekan. Kaedah demonstrasi memerlukan pelajar mengulang semula proses kerja yang ditunjukkan oleh pensyarah, namun begitu tidak semua pelajar berkemampuan meniru semula proses kerja tersebut dengan sempurna. Ini disokong oleh (Alvanita Sari, 2018) menyatakan masih terdapat pelajar yang tidak mampu memberikan tumpuan semasa demonstrasi solekan dijalankan kerana setiap pelajar berbeza keupayaan dalam menyerap ilmu yang ditunjukkan. Merujuk kepada model pembelajaran (Dale, 1969) yang memperkenalkan *the cone of experience* menyatakan pelajar tidak hanya mempelajari sesuatu melalui pemerhatian, pelajar harus menggunakan deria-deria yang dimiliki untuk melakukan aktiviti pembelajaran (*learning by doing*).

Proses pembelajaran yang melibatkan aktiviti secara amali seperti solekan memerlukan pelajar untuk berlatih mengaplikasi solekan secara kerap ke wajah pelajar tersebut, dengan ini akan menimbulkan masalah pada kulit wajah akibat dari bahan-bahan dan peralatan solekan yang dipakai dengan kerap semasa latihan. Ini disokong oleh (Long, 2018) menulis dalam kajiannya bahawa terdapat masalah kerosakan kulit wajah akibat dari penggunaan peralatan solekan span aplikasi pembayang mata yang menyerap bahan solekan dan tidak bersih. Masalah kulit

wajah tercalar, berjerawat dan keradangan kerana kekerapan menggunakan berus solekan kesan dari sapuan menggunakan berus dan bahan solekan, (Jessica R. H. & Balderston, 2018). Masalah ini akan mengganggu emosi dan membuatkan pelajar berasa tidak berminat untuk meneruskan latihan solekan semasa di dalam kelas. Masalah ini disokong oleh (Norudin, M., Desnika, MA., Rafi, 2010) yang mendapati bahawa sesetengah produk solekan akan memberikan kesan yang baik dan sesetengah bahan solekan akan memberikan kesan yang buruk pada kulit. Oleh itu, kemahiran pelajar dalam teknik solekan tidak dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik kerana kurang latihan amali.

Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik membangunkan satu modul pengajaran mencampuratakan warna bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam mencampuratakan warna. Dalam modul ini penekanan diberikan kepada latihan tangan menggunakan berus solekan dan teknik mencampuratakan warna diaplikasi pada carta wajah yang direka untuk menyelesaikan masalah mencampuratakan warna pada semua bahagian wajah yang hendak disolek.

#### **1.4 Objektif Kajian**

- a. Merekabentuk dan membangunkan Modul *BLENDme* berasaskan kepada model ADDIE.
- b. Mengenalpasti tahap kemahiran mencampuratakan warna bagi pelajar kolej komuniti melalui pelaksanaan Modul *BLENDme*.
- c. Mendapatkan respons pelajar kolej komuniti terhadap pelaksanaan Modul *BLENDme*.

## **1.5 Persoalan Kajian**

- a. Bagaimanakah Modul *BLENDme* dibangunkan berasaskan kepada model ADDIE?
- b. Apakah tahap kemahiran mencampuratakan warna bagi pelajar kolej komuniti melalui pelaksanaan Modul *BLENDme*?
- c. Apakah respons pelajar kolej komuniti terhadap pelaksanaan Modul *BLENDme*?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi adalah merupakan faktor utama bagi sesebuah institusi kemahiran. Oleh itu, pengkaji telah menghasilkan Modul *BLENDme* sebagai inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar semester 2 Persolekan Profesional. Kepentingan kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kemahiran pelajar dalam menguasai teknik mencampuratakan warna dalam solekan. Melalui Modul *BLENDme* pelajar akan dapat melakukan latihan berterusan bagi memantapkan kemahiran dalam seni solekan dan menghasilkan solekan yang terbaik. Menambahbaik kaedah PdP pensyarah dengan menggunakan Modul *BLENDme* selain dari kaedah konvensional seperti demonstrasi. Modul ini juga dapat membantu pensyarah mencapai objektif dalam PdP seperti kehendak dalam kurikulum pembelajaran. Melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang persolekan profesional bagi bersaing dengan industri tempatan dan antarabangsa. Penyelidik berpendapat bahawa sebuah institusi dikatakan berjaya adalah institusi yang mampu melahirkan pelajar yang terbaik dari segi pengetahuan, emosi dan kemahiran. Institusi yang menyokong kepada usaha dalam memperkembangkan kemahiran pelajar akan dapat membantu pengkaji-pengkaji menghasilkan kajian

yang terbaik untuk kepentingan semua pihak.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan latihan mencampuratakan warna dalam solekan asas menggunakan carta wajah. Berkemungkinan terdapat subjek kajian yang mempunyai bakat semulajadi dalam kemahiran solekan atau bakat seni itu sendiri, akan tetapi faktor ini tidak menjadi halangan dalam kajian ini kerana peningkatan tahap kemahiran setiap subjek kajian diukur berasingan berdasarkan kemahiran sedia ada masing-masing dan kajian ini membantu subjek kajian meningkatkan tahap kemahiran solekan sedia ada menjadi lebih baik. Begitu juga, penyelidik tidak mengambilkira bakat pelajar, pengalaman pelajar, emosi pelajar, kesesuaian padanan warna dalam solekan dan perbezaan daya penyerapan pembelajaran pelajar semasa proses kajian berlaku kerana elemen-elemen ini tidak dapat dikawal oleh penyelidik dan tidak menjadi fokus dalam kajian ini. Dari sudut penggunaan jenis kertas untuk carta wajah, penyelidik hanya menghadkan penggunaan kertas lukisan 150gm saiz A4 berwarna putih sahaja untuk aplikasi solekan dan tidak mengambilkira jenis-jenis kertas yang lain. Manakala dari segi medium solekan, penyelidik membataskan medium solekan jenis kering sahaja dan tidak membataskan jenama solekan tersebut. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif kajian kes dengan persampelan bertujuan iaitu menetapkan ciri-ciri homogen dalam menentukan subjek kajian.



## **1.8 Definisi Operasional**

### **i. Seni solekan**

Seni solekan merujuk kepada hasil menyolek pada wajah atau badan manusia dengan tema tertentu seperti solekan pengantin, solekan fantasi dan solekan kesan khas. Seni solekan di dalam kajian ini merujuk kepada solekan yang diaplikasi oleh pelajar ke dalam carta wajah.

### **ii. Modul *BLENDme***

Modul *BLENDme* merupakan satu set modul pengajaran mencampuratakan warna dalam seni solekan bagi memantapkan kemahiran solekan pelajar. Modul ini menjadi satu alat intervensi kepada pelajar untuk melatih tangan dalam menguasai teknik mencampuratakan warna dalam solekan.

### **iii. Teknik mencampuratakan warna**

Secara amnya, teknik mencampuratakan warna merujuk kepada cara atau kaedah mencipta sesuatu hasil seni menggunakan warna. Dalam kajian ini, teknik mencampuratakan warna merujuk kepada teknik asas dalam mengaplikasi solekan dengan cara mengawal tekanan berus solekan semasa mengaplikasi solekan ke atas carta wajah.

### **iv. Kemahiran**

Secara amnya, kemahiran merujuk kepada kecekapan dan kepandaian dalam melakukan sesuatu. Dalam kajian ini, kemahiran merujuk kepada kompetensi pelajar, kemahiran psikomotor dan amali yang merangkumi kemahiran dalam aplikasi teknik campur rata warna pada solekan.

#### **v. Pengetahuan asas**

Secara amnya, pengetahuan asas merupakan kefahaman pelajar berkaitan sesuatu perkara. Dalam kajian ini, pengetahuan asas pelajar adalah merujuk kepada pengetahuan asas berkaitan pengenalan kepada bahan dan peralatan solekan dan fungsinya serta pengetahuan pelajar berkaitan integrasi teori dan model dalam mengaplikasi warna pada carta wajah.

#### **vi. Kolej Komuniti**

Kolej Komuniti adalah institusi pengajian tinggi awam yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang menawarkan pelbagai program kemahiran peringkat sijil dan diploma. Dalam kajian ini kolej komuniti adalah lokasi kajian penyelidikan ke atas pelajar Terapi Kecantikan Dan Spa, Kolej Komuniti Semenanjung Malaysia.

### **1.9 Kesimpulan**

Kesimpulan yang dapat dibuat dalam bab 1 ini adalah pada keseluruhannya bab ini merupakan bahagian penting dalam naskah kajian kerana bab ini menunjukkan hala tuju kajian supaya kajian lebih terarah dan teratur. Bab ini juga telah menunjukkan punca masalah yang menjurus kepada keperluan kajian dijalankan. Selain itu, bab ini juga menerangkan tujuan kajian dijalankan dan definisi istilah dalam kajian bagi memudahkan pemahaman pembaca.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Tinjauan literatur dalam bab 2 mengulas kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan fokus kajian bagi tujuan menyelidik keberkesanan kajian-kajian lepas terhadap usaha meningkatkan kemahiran pelajar dalam solekan dan mengetahui maklumbalas pelajar terhadap pelaksanaan aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran solekan. Bab 2 merangkumi kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam solekan, kemahiran dalam seni solekan, teori warna dalam seni solekan, respons kajian lepas terhadap hasil pengajaran dan pembelajaran dalam seni solekan, kerangka teoritikal, kerangka konseptual dan kesimpulan kepada keseluruhan dalam bab 2.

#### **2.2 Seni Solekan**

Umum mengetahui bahawa bidang solekan hanya terhad kepada solekan pengantin atau solekan harian untuk kelihatan lebih cantik dan menawan. Namun begitu, bidang solekan bukan sahaja terhad kepada solekan pengantin atau solekan harian, akan tetapi bidang solekan merupakan satu aktiviti seni yang menggunakan bahan solekan sebagai medium untuk menyampaikan konsep dan kandungan karya seni tersebut. Walau bagaimanapun, tidak terdapat sumber yang menetapkan seni solekan yang boleh dijadikan panduan dalam menentukan jenis-jenis solekan. Pengkategorian solekan adalah berpandukan kepada tujuan solekan itu sendiri. Merujuk (Buchman, 1990; Kehoe, 1995 ; Debreceni, 2009) solekan dikategorikan sebagai solekan asas, solekan cantik, solekan karakter, solekan TV dan filem, solekan kesan khas untuk pementasan dan layar skrin. Dalam kajian ini penyelidik

merujuk kepada kurikulum Sijil Terapi Kecantikan dan Spa, (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2018a) yang mengkategorikan seni solekan kepada jenis (1) solekan siang dan malam, (2) solekan pengantin, (3) solekan karakter dan (4) solekan kesan khas.

Solekan siang dan malam merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh pelajar terutamanya dalam teknik mencampur ratakan bedak asas dan warna pembayang mata. Oleh itu, solekan siang dan malam menjadi konsep kepada solekan asas kerana solekan jenis ini memperkenalkan bahan dan peralatan asas solekan kepada pelajar sebelum mempelajari konsep-konsep selanjutnya dalam jenis seni solekan yang lain. Solekan siang atau lebih dikenali dengan solekan harian merupakan konsep solekan bagi wanita untuk ke pejabat atau melakukan aktiviti di luar rumah seperti beriadah atau berjalan-jalan membeli-belah. Manakala solekan malam adalah konsep yang lebih berat dan memerlukan solekan yang lebih tebal dari solekan siang, contohnya solekan untuk ke majlis-majlis rasmi atau solekan untuk persembahan pentas.

Solekan pengantin adalah kemahiran solekan yang amat popular masa kini, pelbagai konsep yang telah diperkenalkan oleh jurusolek-jurusolek dalam menonjolkan kemahiran solekan masing-masing. Contohnya melalui kajian (Y. Kim, Song, & Cho, 2015; Cho, 2018) mengkaji kesesuaian warna untuk diaplikasikan pada beberapa konsep solekan pengantin yang dipilih iaitu konsep natural, romantik, elegan, klasik, estetik, bergaya, cantik dan moden. Solekan pengantin asasnya dari solekan malam yang mana memerlukan solekan yang tebal dan lebih terperinci berbanding dengan solekan siang. Solekan pengantin juga memerlukan kemahiran dalam mencampuratakan warna, malah lebih terperinci dari segi kemahiran dalam

pembentukan wajah agar wajah pengantin menjadi lebih sempurna. Ini disokong oleh (Brown, 2008) telah menggariskan panduan yang terperinci dalam aplikasi solekan pengantin dengan memberi penekanan terhadap campur rata warna perlu sempurna pada bahagian mata dan pembentukan wajah. Kemahiran dalam pembentukan wajah merupakan teknik penyamaran dalam seni solekan, pembentukan wajah dilakukan dengan cara menyembunyikan bahagian yang tidak dikehendaki dan menonjolkan bahagian yang cantik melalui olahan tona warna dan campur rata tebing warna dengan sempurna, (Musgrove, 2003).

Seterusnya, satu lagi cabang dalam seni solekan iaitu solekan karektor. Solekan ini menumpukan kepada konsep dan tema sesuatu solekan, sebagai contoh solekan untuk pementasan teater atau watak dalam filem seperti watak kartun, flora dan fauna, fantasi dan tema abstrak. Hal ini juga terdapat dalam kajian (Lim, 2019) yang menyenaraikan solekan karektor sebagai salah satu jenis solekan yang menonjolkan sesuatu watak dalam filem dan menjadikan karektor-karektor filem fantasi Harry Potter sebagai rujukan kepada pengelasan jenis-jenis solekan. Manakala seni solekan kesan khas adalah kemahiran menyolek wajah atau anggota badan manusia menjadi rupa paras yang berbeza mengikut tema solekan, sebagai contoh solekan orang tua, solekan kesan kemalangan atau kecederaan, solekan seram atau watak hantu dan solekan watak dalam filem. Solekan kesan khas terdapat dalam pementasan teater yang mana pelakon-pelakon teater mengenakan solekan untuk kelihatan menonjol dan bersesuaian dengan watak yang dibawa (Aiex, 1993). Solekan kesan khas amat berbeza dengan jenis-jenis solekan yang lain kerana ia menggunakan bahan dan peralatan khusus untuk menghasilkan solekan kesan khas ini.

Namun begitu, dalam kajian ini penyelidik hanya memfokuskan kepada seni solekan siang dan solekan malam dalam membangunkan modul pengajaran mencampuratakan warna.

### **2.3 Kemahiran Dalam Seni Solekan**

Solekan merupakan kemahiran Seni Lukis yang menggunakan badan manusia sebagai kanvas lukisan dalam menyampaikan konsep sesuatu karya seni tersebut. Ini disokong oleh (Setiawardani, 2013) menulis bahawa solekan adalah aktiviti seni melukis pada tubuh manusia. Dalam menguasai kemahiran solekan yang baik, pelajar perlu kompeten terhadap teknik-teknik dalam solekan. (Endah Rukmana, 2015) dalam kajiannya menyatakan kemahiran dan ilmu berkaitan solekan mata boleh dikuasai melalui pembelajaran latihan yang lebih mementingkan pembelajaran secara praktikal, kemahiran yang tinggi boleh dicapai melalui latihan praktikal secara berulang. Teknik mencampuratakan warna merupakan kemahiran yang utama dalam solekan.

Menurut (G. Davis & Hall, 2008; Judilla, 2000) di mana kemahiran mencampuratakan warna merupakan aktiviti solekan yang berseni dengan menggunakan beberapa peralatan solekan tertentu bagi menghasilkan solekan yang licin, sekata dan warna yang bergabung dengan lembut, tiada garis pemisah antara dua warna dengan kaedah pergerakan berus membulat. Kemahiran mencampuratakan warna yang baik dapat menggabungkan warna terang dan warna gelap dengan sekata serta menghasilkan kesan solekan yang menonjol. Dalam solekan pentas teater, elemen terang dan gelap merujuk kepada kemahiran mencampuratakan warna pada objek dengan kesan yang licin dan sekata, olahan warna dari gelap ke terang dengan mencampuratakan warna yang sempurna menjadikan sesuatu watak yang disolek

lebih menonjol. Manakala (Kehoe, 1995) menyatakan kemahiran yang penting dalam melakukan solekan yang baik adalah teknik mencampuratakan warna dan garisan-garisan dalam solekan wajah. Cantuman dua warna hendaklah dikemaskan dengan mencampuratakan warna supaya cantuman warna ini menjadi lembut dan bergabung dengan sekata. Cantuman dua warna solekan yang tidak kemas akan menimbulkan garisan di antara dua warna ini dan kelihatan dua warna yang terpisah. (Kehoe, 1995) juga menyatakan bahawa bagi mendapatkan cantuman warna yang lembut dan rata, aktiviti ini memerlukan tempoh yang panjang. Dengan ini penyelidik berpendapat bahawa kemahiran mencampuratakan warna memerlukan latihan yang konsisten dan teratur dengan membina modul pengajaran mencampuratakan warna untuk pelajar melatih tangan dalam menguasai teknik mencampuratakan warna. Seterusnya (M. Frangie, 2008) menerangkan langkah demi langkah dalam aktiviti solekan, didapati teknik mencampuratakan warna yang digunakan dalam mencampuratakan warna adalah dengan gerakan berus membulat ke arah keluar dan arah ke bawah. Aplikasi bedak asas, *concealer* dan pembayang mata merupakan aktiviti dalam solekan yang memerlukan kemahiran mencampuratakan warna yang baik bagi menghasilkan solekan yang sempurna dan sekata. Oleh itu, penyelidik menggunakan kaedah gerakan berus membulat dalam teknik mencampuratakan warna, olahan garisan (*lines*) dalam warna solekan dengan gabungan gerakan berus membulat (*movement*) diaplikasi dengan lembut (*rhythm*) akan menghasilkan warna solekan yang sekata dan sempurna.

Terdapat beberapa kajian telah dilaksanakan melibatkan hasil gabungan pengetahuan pelajar dan kemahiran dalam solekan. Sebagai contoh dalam kajian (Robiah & Nia Kusstianti, 2016; Chendra Wibawa, Schulte, & Septaria, 2015; Yarizqi, Rostamailis, & Astuti, 2015) di mana terdapat pelajar yang tidak didedahkan

dengan teknik dan pengetahuan berkaitan solekan pentas, kurangnya bahan-bahan berbentuk video tutorial untuk pelajar mempelajari kemahiran solekan mata dengan teknik yang betul dan pelajar tiada pengetahuan dalam melakukan solekan pada bahagian pembayang dan kecerahan semasa pembentukan wajah. Dapatan kajian (Yarizqi et al., 2015) mendapati terdapat hubungan yang positif antara pengetahuan pelajar dengan kemahiran solekan pelajar dalam pembentukan wajah, pelajar yang mempunyai pengetahuan berkaitan solekan pembentukan wajah akan dapat mengaplikasi solekan pembentukan wajah dengan baik.

#### **2.4 Teori Warna Dalam Seni Solekan**

Teori warna pertama kali diperkenalkan oleh Sir Isaac Newton melalui roda warna. Newton merungkaikan warna dari cahaya matahari menjadi warna merah, jingga, kuning, hijau, cyan dan biru (Kargon, 2014). Perkembangan warna berlaku apabila dua bucu spektrum warna bercantum dan menghasilkan tona warna yang pelbagai secara semulajadi (Swasty, 2018). Menurut (Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone, & Cayton, 2009) warna boleh membentuk objek dan menghasilkan ilusi pada ruang dalam sesuatu karya seni. Kumpulan warna terdapat dalam pelbagai kategori untuk menerangkan konsep-konsep warna tersebut melalui model-model warna di dalam teori warna (Shipman, 2012).

Manakala dalam seni solekan, menurut (Middleton, 2018; Kehoe, 1995) terdapat sifat-sifat warna dalam Roda Warna Newton yang menjadi asas kepada penghasilan warna dalam aplikasi seni solekan dan membantu jurusolek dalam mencampurkan warna pada solekan. Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik memilih Model Warna Diagram Ostwald dan Model Roda Warna Newton untuk diadaptasi dalam teknik mencampurkan warna bagi seni solekan. Model-model